

BAB I

PENDAHULUAN

1.0. Pengenalan

Hukum Islam merupakan hukum yang sesuai dengan perkembangan zaman dan tempat. Ini kerana memang hukum Islam merupakan suatu peraturan (*sharī'ah*) yang diturunkan oleh Allah SWT untuk *kemaşlahatan* umat manusia, agar manusia dapat hidup tenang, damai, tenteram dan bahagia samada di dunia ataupun di akhirat¹. Oleh karena itu Allah SWT telah mengutus para Rasul dan mengatur kehidupan ini dengan aturan yang selaras dengan situasi dan keadaan².

Al-Qur'an dan al-Sunnah merupakan sumber hukum utama dalam Islam. Ketika Nabi Muhammad SAW masih hidup segala persoalan yang timbul diselesaikan oleh Baginda sendiri, bahkan jawapan serta penyelesaian dari Rasulullah adalah hasil dari bimbingan wahyu Allah SWT³. Para sahabat pula, setelah kewafatan Rasulullah mereka melakukan Ijtihad masing-masing berdasarkan pengalaman mereka bersama Baginda, Pengalaman tersebut memudahkan mereka menyelesaikan permasalahan ketika itu. Ini kerana mereka mengetahui *asbāb al-Nuzūl*, mereka juga mengetahui rahsia-rahsia ayat dari setiap ayat serta menyelami *maqāşid* dari ayat yang diturunkan⁴, mengetahui *nāsikh* dan *mansūkh* dan kaedah pengeluaran hukum secara umum atau *uşūl al-Fiqh*⁵. Hal ini memudahkan mereka menyelesaikan masalah-masalah yang timbul. Bahkan situasi

¹ Muḥammad Sa'ad ibn Aḥmad Ibn Mas'ūd al-Yūbī (1998), *Maqāşid al-Sharī'ah Wa 'Alāqatuha Bi al-Adillah al-Shar'iyah*, cet.1, Riyāḍ: Dār al-Hijrah , h. 38

² Md. Saleh Bin Haji Md. Haji Ahmad(2004), "Urf dan Adat Semasa Di Malaysia Sebagai Asas Penentuan Hukum Islam Yang Tidak Dinaskan", dalam Ridzwan Ahmad *et al.*(eds), *Fiqh Malaysia : Kearah Pembinaan Fiqh Tempatan Yang Terkini*,cet.2 ,Kuala Lumpur: Al-Baian Corporation sdn.bhd, Akademi Pengajian Islam University Malaya, h. 99

³ Muşţafa Zayd (2006), *al- Maşlahah fī al-Tashrī' al Islīmī*,cet.3 ,Mesir: Dār al-Yasar, h. 40-41.

⁴ Al-Imām al-'Alāmah 'Alī ibn Muḥammad al-Āmidī (2003), *al-Iḥkām fī Usūl al-Aḥkām*, j.1, cet.1, Riyāḍ: Dār al-Shāmi'i, h. 6.

⁵ Jalāl al-Dīn 'Abd Raḥmān (1983), *al-Maşāliḥ al-Mursalāh wa Makānatuha fī al-Tashrī'* , cet.1, Riyāḍ: Dār al-Kutub al-Jamī'i, h. 126-127.

tersebut tidak memerlukan sebuah kosep ilmu tertentu dalam menyelesaikan sesuatu masalah yang timbul pada zaman mereka⁶.

Setelah berlalunya zaman sahabat, para tabi'in mengikuti kaedah yang ditunjukkan oleh para sahabat dalam menyelesaikan sesuatu hukum. Walau bagaimanapun disebabkan zaman yang makin mencabar maka para ulama khususnya selepas tabi'in menghadapi pelbagai cabaran dalam menangani hukum Islam semasa. Maka ketika inilah keperluan kepada kaedah hukum tertentu dalam berhadapan dengan permasalahan yang tidak *dinaşşkan* dari al-Qur'an dan al-Sunnah. Justeru timbulah pelbagai kaedah yang dipelopori oleh berbagai mazhab fiqh atau dipelopori oleh ulama tertentu hasil dari kefahaman mereka kepada prinsip-prinsip umum dan kaedah-kaedah '*āmmah*. Di antara kaedah tersebut ialah *dar' al-Mafāsid wa jalb al-Maşāliḥ*. Akhirnya kaedah tersebut menjadi ilmu yang khusus iaitu ilmu *maqāşid al-Sharī'ah* menjadikan *maşlahah* dan *mafsadah* piawaian utama dalam penentuan hukum yang tidak *dinaşş* melalui dalil tertentu.

1.1. Latarbelakang Masalah

Sharī'ah Islam diasaskan berdasarkan *kemaşlahatan* manusia iaitu matlamat pencapai *kemaşlahatan* dan menolak kemudaratan. Kedua-dua matlamat ini menjadi konsep utama oleh para ulama dalam menangani permasalahan hukum semasa dan setempat. Ini kerana dimana adanya sharī'ah Islam, maka wujudlah *maşlahah*⁷, namun tidak semestinya setiap *maşlahah* itu sejajar dengan Sharī'ah. Bahkan *maşlahah* itu sendiri bukanlah sharī'ah Islam, justeru itu setiap perbuatan baik menurut akal manusia tidak dinilai sebagai *maşlahah* jika bertentangan dengan sharī'ah Islam. Sebaliknya setiap

⁶ 'Abd al-Karīm Zaydan (1973), *al-Wajīz fī Usūl al-Fiqh*, cet.5, Baghdād: Maṭba'ah Salmān al-A'dāmi, h. 11-12.

⁷ Al-Shāṭibī(2003M/ 1424 H), *al-Muwāfaqāt fī Usūl al-Sharī'ah*, Muḥammad 'Abd Allāh Darrāz(muhaqqiq), j. 2, juz. 4, cet. 3, Beyrut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyah, h. 76

sharī'ah Islam mempunyai *maṣlahah*⁸. Dalam penentuan sesuatu hukum, konsep *maṣlahah* dan *mafsadah* tidak boleh diselewengkan sehingga menyukarkan pengamalan umat Islam terhadap agamanya atau terlalu mempermudahkannya. Pada umumnya, *maṣlahah* dan *mafsadah* dapat diketahui manusia, kecuali beberapa perkara yang tidak dapat diketahui seperti hal-hal yang bersifat *ta'ābbudī*. Sebagaimana yang dinyatakan oleh ulama uṣūl bahawa *maṣlahah* dunia dan *mafsadah*nya boleh diketahui dengan akal⁹, manakala *maṣālih* akhirat dan *mafāsīd*nya hanya boleh diketahui dengan dalil naqli¹⁰.

Berasaskan kedua- dua konsep tersebut maka para ulama dan mujtahid berusaha dengan sedaya mungkin untuk menyelesaikan permasalahan yang tidak dinaṣkan dalam al-Qur'an dan al-Sunnah berdasarkan beberapa metode yang ditunjukkan para sahabat dan tabi'in, bahkan mengembangkan metode masing-masing menjadi mazhab tertentu¹¹. Di antara mazhab tersebut hanya al-Imām al-Shāfi'ī sahaja yang menjelaskan metodenya melalui tulisan iaitu kitabnya al-Risālah¹². Melalui kitab al-Risālah, al-Imām al-Shāfi'ī bukan sahaja menjelaskan ilm uṣūl al-fiqh bahkan beliau telah mengasaskan kefahaman secara umum terhadap Ilmu *maqāsid al-Sharī'ah*¹³.

⁸ Hamīd Fahmy Zarkasyi(2009), "Framework Studi Islam", *Jurnal Islamia*, Vol V No.1. 2009 , h.11

⁹ Izz al-Dīn 'Abd al-Salām (2000M/1421H), *Qawāid al-Kubrā; al-Mawsūm bi Qawāid al-Aḥkām fi Iṣlāḥ al-Anām*, j.1, cet.1, Dimasq: Dār al-Qalam, h. 7

¹⁰ *Ibid.*, h. 11

¹¹ Abū Hanīfah (w.150 H.), banyak menggunakan *istiḥsān*, manakala Imām Mālik bin Anas (w. 179 H) terkenal dengan metode *al maṣlahah al mursalah*, Imām Shāfi'ī lahir dengan berlatar belakang perdebatan yang terjadi antara *ahl hadīth* dan *ahl ra'yi*. Beliau bukan sahaja telah menjadikan *qiyās* sebagai elemen penting dalam mengistinbat hukum. Malah beliau berjaya menyamakan antara *qiyās* dan *ijtihad*. Lihat Abd al Wahab Khalaf (1942), *Ilm Uṣūl al-Fiqh*, cet. 8, Mesir: Maktabah Dakwah al-Islāmiyah, h.82. lihat juga Muhammad Abū Zahrah (t.t), *Tārīkh al-Madhāhib al Islāmiyyah fī tārīkh al-Madhāhib al-Fiqhiyyah*, j.2, al-Qāhirah: Dār al Fikr al-'Arabī, h. 217-218. Lihat Yasid bin Moni (2004), "Metode Pentafsiran Nass Menurut Mutakalimin dan Ahnaf: Satu Analisis" (Thesis Doktor, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universeiti Malaya), h. 42. Lihat juga Muḥammad Idrīs al-Shāfi'ī (t.t), *al Risālah*, Beyrut: al-Maktabah al-Islāmiyyah, h. 477

¹² lihat Al-Qarāfi (1995), *Nafūs al-Uṣūl fī Sharh al-Maḥṣūl*, j.1, cet.1, T.T.P.Maktabah Muṣṭafa Al Baz, , h. 100. Beliau merupakan orang pertama yang menyusun Ilmu *Uṣūl al- fiqh* sehingga menjadi sebuah disiplin ilmu, Ini bukanlah mermaksud bahawa ilm fiqh telah mendahului ilm usul al-fiqh, tapi sesungguhnya kedua-duanya adalah saling berkaitan. Ketikamana wujudnya ilm fiqh, ketika itu juga usul al-fiqh telah wujud. Hakikatnya, sememangnya ilmu fiqh itu mendahului usul al-fiqh dari segi tawinya. lihat Abī Islām Muṣṭafa ibn Muḥammad ibn Salamah (t.t.), *al-Ta'sis Uṣūl Fiqh 'Ala Daw' al-Kitāb wa Sunnah*, T.T.P. Maktabah al-Haramayn li al-Ulūm al-Nāfi'ah, h. 12.

¹³ Telah terdapat kajian ketika ini yang menobatkan Imām al-Shāfi'ī sebagai pengasas Ilmu *Maqāsid al-Sharī'ah*, yang dilakukan oleh Yūsuf Ahmad Muḥammad al-Badawī melalui tesis doktoralnya di Universiti Jordan pada tahun 1999. Lihat Yūsuf Ahmad Muḥammad al-Badawī (2000), *Maqāsid al-Sharī'ah 'Ind Ibn Taymiyyah*. Cet.1, Jordan: Dār al-Nafāis, h. 75-75

Ulama Shāfi'iyah terkemudian, termasuklah al-Imām al-Juwaynī, al-Imām al-Ghazzālī, al-Rāzī, al-Āmidī, Izz al-Dīn Abd al-Salām mengembangkan kefahaman tersebut dan menjadikan teori khusus kepada Ilmu *maqāṣid al-Sharī'ah*¹⁴.

Setelah itu muncul pula al-Imām al-Shāṭibī dari golongan Mālikiyyah yang mengutarakan pandangan tentang Ilmu *maqāṣid al-Sharī'ah*. Namun pendekatan beliau memiliki persamaan dengan al-Imām al-Ghazzālī, menyebabkan timbul persoalan sama ada ilmu tersebut diasaskan kepada beliau ataupun pengembangan teori ulama al-Shāfi'iyah khususnya al-Imām al-Ghazzālī.

Konsep *maṣlaḥah* dan *mafsadah* sebenar telah dihuraikan secara terperinci oleh al-Imām al-Ghazzālī dari golongan al-Shāfi'iyah, sebagaimana tertulis dalam kitab-kitabnya seperti *Syifā al-Ghalīl*, *al-Mankhūl*, *Asās al-Qiyās* dan *al-Mustaṣfa* serta kitab-kitab lainnya, namun kemunculan kitab *Al-Muwāfaqāt* dan *al-I'tiṣām* karya al-Imām al-Shāṭibī dari golongan al-Mālikiyyah seolah telah menenggelamkan kitab-kitab tersebut.

Sehingga kajian selanjutnya telah menyandarkan al-Imām al-Shāṭibī dianggap sebagai pengasas ilmu *maqāṣid al-Sharī'ah*. Senario ini menimbulkan situasi seolah-olah Mazhab Mālikī mengungguli Ilmu *maqāṣid al-Sharī'ah*.

Dalam menanggapi permasalahan ini timbul pelbagai persoalan sebagaimana berikut:

1. Apakah hubung kait di antara konsep *maṣlaḥah* dan *mafsadah* sehingga menjadikan ia akar umbi pembentukan *maqāṣid al-Sharī'ah*.
2. Apakah persamaan konsep *maṣlaḥah* dan *mafsadah* yang dibawa oleh al-Imām al-Ghazzālī dan al-Imām al-Shāṭibī.
3. Sejauh mana dakwaan yang menyatakan al-Imām al-Shāṭibī sebagai pengasas ilmu *maqāṣid al-Sharī'ah* sedangkan ilmu tersebut melalui konsep

¹⁴ *Ibid.*, h. 76-88

maṣlahah dan *mafsadah* telah dijelaskan oleh al-Imām al-Ghazzālī terlebih dahulu.

4. Sejauh mana perbezaan konsep *maṣlahah* yang didokong kedua-dua Ulama tersebut membawa perbezaan hukum.

1.2. Permasalahan Kajian

Konsep *maṣlahah* dan *mafsadah* merupakan akar umbi Ilmu *maqāṣid al-Sharī'ah*. Konsep *maṣlahah* dan *mafsadah* telah dihuraikan oleh al-Imām al-Ghazzālī dalam kitab-kitabnya, oleh itu al-Imām al-Ghazzālī telah memulakan perbincangan mengenai teori *maqāṣid*, namun kemunculan al-Imām al-Shāṭibī dengan kitabnya *al-Muwāfaqāt* dan *al-I'tiṣām* dianggap sebagai pengasas *maqāṣid al-Sharī'ah*. Kenapa berlaku demikian, hal ini menyebabkan kajian ini perlu dibuat bagi memastikan apa penyebab hal tersebut berlaku selain mengkaji perbandingan teori *maṣlahah* dan *mafsadah* menurut kedua tokoh tersebut. Seterusnya apakah persamaan dan perbezaan tentang *maṣlahah* dan *mafsadah* menurut kedua-dua ulama tersebut membawa perbezaan hukum sedangkan keduanya memiliki mazhab yang berbeza.

1.3. Objektif Kajian

Dalam membuat kajian terhadap tajuk ini, terdapat objektif dan tujuan kajian iaitu:

1. Menjelaskan konsep *maṣlahah* dan *mafsadah* berlandaskan pandangan ulama uṣūl.
2. Menjelaskan pemikiran al-Imām al-Ghazzālī dan al-Imām al-Shāṭibī tentang konsep *maṣlahah* dan *mafsadah*.
3. Menjelaskan sejauh mana dakwaan yang menyatakan al-Imām al-Shāṭibī sebagai pengasas ilmu *maqāṣid al-Sharī'ah* sedangkan ilmu tersebut melalui konsep

maṣlahah dan *mafsadah* telah dijelaskan oleh al-Imām al-Ghazzālī terlebih dahulu.

4. Mengenal pasti persamaan dan perbezaan di antara al-Imām al-Ghazzālī dengan al-Imām al-Shāṭibī tentang konsep *maṣlahah* dan *mafsadah* serta hukum yang dihasilkan dalam penentuan hukum Islam.

1.4. Kepentingan Kajian

1. Kajian ini diharap dapat memberikan sumbangan kepada masyarakat awam dan ahli akademik ke arah memahami dengan lebih dekat tentang konsep *maṣlahah* dan *mafsadah*.
2. Bagi pengajian uṣūl al-Fiqh diharapkan dapat memberikan informasi ilmiah berkaitan dengan pemikiran ulama silam yang terkenal sebagai satu penghargaan terhadap sumbangan dan jasa tokoh silam dalam menyebarkan kefahaman Islam khususnya dalam bidang Ilmu uṣūl al-Fiqh.
3. Dapat menjelaskan perbandingan pemikiran al-Imām al-Ghazzālī dan al-Imām al-Shāṭibī tentang konsep *maṣlahah* dan *mafsadah*. Yang mana kemudiannya dapat mengenal pasti persamaan dan perbezaan di antara al-Imām al-Ghazzālī dengan al-Imām al-Shāṭibī tentang kedua-dua konsep serta kesan perbezaan di antara keduanya dalam penentuan hukum Islam.
4. Dapat meneliti peletak kerangka ilmu *maqāṣid al-Sharī'ah* walaupun terdapat dakwaan yang menyatakan al-Imām al-Shāṭibī sebagai pengasas ilmu *maqāṣid al-Sharī'ah* sedangkan ilmu tersebut melalui konsep *maṣlahah* dan *mafsadah* telah dijelaskan oleh al-Imām al-Ghazzālī terlebih dahulu.

1.5. Skop Kajian

Kajian ini tidak akan mengkaji kesemua aspek yang membabitkan konsep *maṣlahah* dan *mafsadah*. Oleh itu, fokus utama kajian ini akan lebih tertumpu pada; penentuan konsep *maṣlahah* dan *mafsadah*. Begitu juga hubungkait kedua-dua konsep tersebut dengan *maqāṣid al-Sharī'ah* menjadi agenda penting bagi membuktikan sumbangan kedua ulama dalam ilmu tersebut. Perbandingan berkaitan persamaan dan perbezaan di antara al-Imām al-Ghazzālī dan al-Imām al-Shāṭibī tentang konsep *maṣlahah* dan *mafsadah* turut dibahaskan. Di samping itu kajian ini hanya menyentuh hal berkait kedudukan *maṣlahah* dan *mafsadah* dalam penentuan hukum bagi kedua tokoh yang dikaji.

1.6. Kerangka Teori

Sebagaimana telah dijelaskan bahawa *maṣlahah* dan *mafsadah* merupakan konsep yang amat penting dalam penentuan hukum Islam. Ini kerana Islam sebagai agama yang membawa misi kemaslahatan universal (*Raḥmatan li al-Ālamīn*). Maka setiap apa jua yang disyariatkan di dalam Islam merupakan *maṣlahah* bagi kaum muslimin dan merupakan bentuk perhatian Islam terhadap umatnya.

Teori *maṣlahah* dan *mafsadah* sangat banyak dinyatakan dalam al-Qur'an, antaranya firman Allah SWT dalam surat al Baqarah ayat 185:

يُرِيدُ اللَّهُ بِكُمُ الْيُسْرَ وَلَا يُرِيدُ بِكُمُ الْعُسْرَ

Maksudnya: *Allah menghendaki kamu beroleh kemudahan, dan Ia tidak menghendaki kamu menanggung kesukaran.*

Tarjamah Surah Al-Baqarah (2): 185

Sesungguhnya ayat ini mengandungi pengertian bahawa di sana terdapatnya kemudahan untuk berbuka puasa bagi orang sakit atau yang sedang dalam

perjalanan(*musafir*)¹⁵. Namun para ahli tafsir mengatakan, jika dilihat dari umum lafz, ayat tersebut tidak hanya memberi kemudahan bagi orang sakit dan orang yang bermusafir, namun bagi semua umat Islam yang mengalami kesukaran dalam masalah agama¹⁶.

Selain itu ada pula hadith Nabi yang menjelaskan hal itu:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ إِنَّ الدِّينَ يُسْرٌ وَلَكِنْ يُشَادُّ الدِّينَ أَحَدٌ إِلَّا غَلَبَهُ

فَسَدَّدُوا وَقَارَبُوا وَأَبْشَرُوا وَاسْتَعِينُوا بِالْعَدْوَةِ وَالرَّحْمَةِ وَشَيْءٌ مِنَ الدُّلْجَةِ¹⁷

Selain ayat dan hadith di atas terdapat Qawāid al Fiqhiyyah yang dapat dijadikan landasan *maṣlahah* dan *mafsadah*, di antaranya adalah:

الْمَشَقَّةُ تَجْلِبُ التَّيْسِيرَ¹⁸

Kaedah ini merupakan sebahagian daripada keupayaan Shari'ah Islam dalam mencapai *kemaṣlahatan* dan menolak kerosakan serta memberi kemudahan kepada umat muslim¹⁹. Namun, ulama berbeza pendapat dalam mendefinisikan *maṣlahah* dan *mafsadah*. Al-Khawārizmī mendefinisikan *al-Maṣlahah* sebagai pemeliharaan terhadap maksud Syarak dengan menolak kerosakan-kerosakan terhadap manusia²⁰. Ramaḍan al-Būṭī memandang *maṣlahah* sebagai manfaat yang ditujukan oleh shāri' (Allah SWT) yang Maha Bijaksana kepada hambanya demi memelihara agama, jiwa, akal, keturunan,

¹⁵ Zakariya Yahya Ibn Ziyad al-Fara (1955), *Ma'ānī Al Qur'an*, Ahmad Yūsuf Nahati dan Muhammad 'Ali al-Najar (Muhāqqiq), J. 1, Beirut: Dār al-Surūr, h. 113

¹⁶ Lihat, 'Abd Allāh Muḥammad ibn Aḥmad al-Anṣari al-Qurṭūbī (1967), *al-Jāmi' li-Aḥkām al-Qur'an*, j.2, cet. 3, Mesir: Dār al-Kutub al-'Arabī, h. 301

¹⁷ Muḥammad ibn Ismā'il al-Bukhārī (t.t.), *Saḥīḥ al-Bukhārī*, "Kitāb al-Imān Bab al-Dīn Yusr", juz 1, Qāhirah: Dār al-hadīs, h. 16

¹⁸ Imām Jalāl al-Dīn 'Abd al-Raḥmān al-Suyūṭī (1938 M/ 1356 H), *al-Ashbāh wa al-Nazā'ir fī Qawā'id wa al-Furū' Fiqh al-Shāfi'iyyah*, Muhammad Hāmid al-Faqī (Tahqīq) Miṣr: Muṣṭafa al-Bābī al-Halabī wa Awlādih, h. 76

¹⁹ Abdul Haq et al (2006), *Formulasi Nalar Fiqh: Telaah Kaidah Fiqh Konseptual*, Syahrowardi et al (eds), cet. 2, Surabaya: Khalista, h.215

²⁰ Muhammad Ibn 'Ali al-Shawkāni (2000M / 1421H), *Irshād al-Fuḥūl Ilā Tahqīq al-Haq Min 'Ilm al-Uṣūl*, Abī Hafṣ Sāmi Ibn al-'Arabī al-Ashra (Muhāqqiq), j.2, cet.1, Riyāḍ: Dār al-Fāḍilah, h. 990

dan harta, menurut susunan kepentingan yang ditentukan pada lima perkara tersebut²¹. Sedangkan *mafsadah* dalam pandangan Fakhr al- Dīn al- Rāzī ialah ungkapan kesakitan atau segala sesuatu atau *wasilah* yang menuju kepada kesakitan itu²². Sedang pengertian *mafsadah* menurut Izz al- Dīn ‘Abd al-Salām sebagai sebuah duka cita serta sebab-sebabnya, kesakitan serta sebab-sebabnya²³.

Muhammad al-Ṭāhir Ibn ‘Ashūr juga memberikan pandangan, menurutnya *maṣlahah* adalah suatu makna tentang kenikmatan dan sebab-sebab yang membawa kepada kenikmatan. Sedangkan *mafsadah* adalah sesuatu yang membawa kesengsaraan dan sebab-sebab yang membawa kesan kesengsaraan²⁴.

Dari teori di atas dapat disimpulkan bahawa sesungguhnya Sharī‘ah Islam diatur untuk mencapai *maṣlahah* dan menolak *mafsadah*. Oleh itu, para ulama menjadikan kedua-dua konsep ini sebagai pegangan utama dalam berhadapan dengan permasalahan hukum, kerana sesungguhnya dimana ada sharī‘ah Islam maka disitu wujud *maṣlahah* dan penolakan *mafsadah*, sebaliknya tidak setiap yang *maṣlahah* itu wujud al-Sharī‘ah.

Dengan beberapa teori di atas, penulis akan meneliti pandangan al-Imām al-Ghazzālī dan al-Imām al-Shāṭibī tentang *maṣlahah* dan *mafsadah* serta perbandingan konsep di antara kedua-duanya dalam penentuan hukum Islam.

1.7. Kajian Lepas

Kepakaran al-Imām al-Ghazzālī dalam pengkajian Fiqh dan uṣūl al-Fiqh merupakan suatu anugerah. Kepakarannya dalam segala bidang keagamaan—hasil dari pada perjalanan ilmiahnya – telah mampu memberikan warna baru dalam urutan ulama silam.

²¹ Muḥammad Sa’īd Ramaḍān al-Būṭī (2000), *Dawābiṭ al- Maṣlahah fi al- Shari‘ah al- Islāmiyyah*, cet.6, Beirut: Mu’assasat al-Risālah, h. 27

²² Fakhr al-Dīn Muḥammad Ibn ‘Umār Ibn Ḥusain al-Rāzī (t.t), *al- Maḥsūl fi ‘Ilm Uṣūl al- Fiqh*, Jābir Qiyāḍ al-Alwānī(Muhaqqiq), j.5, T.T.P. Mu’assasat al-Risālah, h. 158

²³ Izz al-Dīn ‘Abd al-Salām(2000M/1421H), *op.cit.*, h. 15

²⁴ Al-Shaykh Muḥammad al- Ṭāhir Ibn ‘Ashūr (2001M/1421H), *Maqāsid al- Shari‘ah al- Islāmiyyah*, cet.2, Jordan: Dār al- Nafā’is, h. 278-279

Buah fikirannya bukan sahaja boleh ditemui di dalam bidang Mantiq, Falsafah, Aqidah, malah Fiqh dan uṣūl al-Fiqh. Keupayaannya dalam mempertahankan agama dengan pendekatan mantiq dan maqāṣid telah mempengaruhi pemikiran kebanyakan ulama-ulama selepasnya. Mereka telah mengikuti asas-asas yang telah ditetapkan oleh beliau. Begitupun al-Imām al-Shāṭibī yang mengarang kitab al-Muwāfaqāt telah berjaya menyusun dan memberi nafas baru dalam bidang Ilm *al-Maqāṣid al-Sharī'ah* sehingga ilmu tersebut dapat difahami dengan baik. Maka tidak hairanlah apabila banyak dari kalangan ulama yang telah meneliti kembali pemikirannya sebagaimana dapat diidentifikasi dari karya-karya mereka.

Demikian juga, sebuah kajian disertasi telah dilakukan oleh Ahmad Fathan Mahmood yang bertajuk, *Masālik al-‘Illah Mengikuti Pandangan al-Ghazālī: Satu Analisis*. Penelitian tersebut telah di tumpukan kepada perbincangan *masālik al-‘Illah* yang menekankan beberapa aspek iaitu perbandingan *masālik al-‘Illah* yang dibincangkan al-Imām al-Ghazzālī dalam karya-karyanya²⁵, kedudukan dan kahujahan *masālik al-‘Illah* menurut al-Ghazzālī²⁶, karya ini telah menyentuh sedikit tentang *al-‘Illah* dan kaitanya dengan *ta‘līl al-Aḥkām* serta menyebut tiga pandangan ulama berkaitan tentang masalah *ta‘līl al-Aḥkām*²⁷. Romli SA turut membahaskannya di dalam karyanya yang bertajuk *Teori ‘illah dan Fungsinya Dalam Pembinaan Hukum Islam*. Penelitian yang cukup signifikan membahas tentang teori *‘illah*, dalam kajiannya telah didedahkan hubung kait antara *‘illah* dan *maqāṣid al-Sharī'ah*. Dalam kajiannya, beliau telah menyentuh sedikit tentang pandangan al-Imām al-Ghazzālī berkaitan pembahagian *maṣlaḥah* iaitu *maṣlaḥah mu‘tabarah*, *maṣlaḥah mulghah* dan *maṣlaḥah* yang tidak di

²⁵ Ahmad Fathan Mahmood (2006), "Masālik al – ‘Illah Mengikuti Pandangan Al Ghazālī: Satu Analisis". (Disertasi Master, Jabatan Fiqh dan Uṣūl, Akademi Pengajian Islām, Universiti Malaya Kuala Lumpur), h. 128

²⁶ *Ibid.*, h. 164

²⁷ *Ibid.*, h. 97-99

iktibar juga tidak mulghah²⁸. Ketika membahaskan *maqāsid al-Sharīah* dari sudut maqsud al-Shāri‘, mengikut pendapat al-Shātibī ia terbagi kepada tiga²⁹. Dalam kajiannya beliau menegaskan bahawa hubungan di antara ‘illah dengan *maqāsid al-Sharī‘ah* adalah merupakan hubungan utama yang menjadi dasar penetapan hukum³⁰. Namun kajiannya belum menyentuh perbahasan tentang *mafsadah* dalam pandangan al-Imām al-Ghazzālī atau al-Imām al-Shātibī.

Kajian lain tentang al-Imām al-Ghazzālī terus dilakukan seperti yang dilakukan oleh Rahimin Affandi Abdul Rahim, Mohd Kamil Hj. Abd Majid dan Ridzwan Ahmad bertajuk, *Pemikiran al-Ghazālī dalam bidang fiqh dan Uṣūl fiqh: Kesenambungan dan Pembaharuan*. Makalah ini telah mendedahkan beberapa sumbangan al-Ghazzālī dalam bidang Fiqh dan Usul Fiqh, di antaranya adalah penetapan asas hierarki sumber hukum Islam yang baku, dimana teks dan dalil sam‘ī (wahyu) perlu diletakan di tempat yang lebih tinggi dari akal(ijtihad)³¹. Dalam makalahnya turut didedahkan impak al-Imām al-Ghazzālī dalam menerapkan disiplin uṣūl fiqh terhadap masyarakat alam Melayu. Beliau turut menjelaskan bahawa kitab jawi itu adalah tidak lebih hanyalah merupakan saduran terjemahan dari kitab asal zaman taqlid. Namun begitu, pemilihan dilakukan ke atas kitab-kitab yang berautoriti dalam dunia sunni khususnya karya al-Imām al-Ghazzālī³². Contohnya, penggunaan beberapa konsep dalam uṣūl al-Fiqh oleh ulama Melayu dalam menentukan hukum Kanun Malaka, salah satunya ialah konsep *maṣlahah*³³. Walaupun demikian kertas kerja ini belum mendedahkan secara menyeluruh dari pemikiran al-Imām al-Ghazzālī tentang *maṣlahah* dan *mafsadah*.

²⁸ Romli SA (2008), “Teori ‘Illat dan Fungsinya Dalam Pembinaan Hukum Islām”. (Disertasi Doktor, Sekolah Pasca Sarjana, Universitas Islām Negeri (UIN) Syarif Hidayatullah, Jakarta), h.177-178

²⁹ *Ibid.*, h. 180

³⁰ *Ibid.*, h. 188

³¹ Rahimin Affandi Abdul Rahim et al(2007), “Pemikiran al Ghazālī Dalam Bidang Fiqh dan Uṣūl Fiqh: Kesenambungan dan Pembaharuan”. (Kertas Kerja Seminar Tokoh Tajdid Al-Ghazālī Tokoh Mujaddid Agung, di Kampus UIAM , Gombak Selangor 11 ogos 2007). h. 11-12

³² *Ibid.*, h. 24

³³ *Ibid.*, h. 26

Hayatullah Laluddin menulis sebuah kajian yang komprehensif tentang pemikiran al-Imām al-Ghazzālī dari segi *maṣlaḥah*. Kajian beliau adalah bertajuk *The Concept of Maṣlaḥah With Special Reference to Imām al-Ghazālī and it's Potential Role in Islamization of Sociology*. Dalam kajiannya, beliau telah mendedahkan *maṣlaḥah* dari segi erti atau definisi, perkembangan *maṣlaḥah* sebelum dan setelah al-Imām al-Ghazzālī³⁴. Namun kajian ini lebih tertumpu kepada *maṣlaḥah* dan peranan serta potensinya dalam mengislamisasikan kehidupan masyarakat. Kajiannya pula tertumpu kepada penjelasan tentang kepentingan agama dalam kehidupan manusia³⁵, serta sistem sosial Islam³⁶. Dengan tajuk yang hampir sama iaitu *Al-Maṣlaḥah(Public Interest) With Special Reference to al- Imām Al Ghazālī*, Abdul Karim Ali dan Hayatullah Laluddin menjelaskan secara lebih terperinci tentang konsep *maṣlaḥah* menurut pandangan al-Imām al-Ghazzālī. Ia meliputi pembahagian *maṣlaḥah*, syarat *maṣlaḥah*³⁷. Begitu juga halnya Ahmad Munif Suratmaputra, dalam kajiannya yang bertajuk *Filsafat Hukum Islam al-Ghazālī:Maslahah Mursalah dan Relevansinya Dengan Pembaharuan Hukum Islam*. Beliau telah mendedahkan *maṣlaḥah* menurut al-Imām al-Ghazzālī sebagaimana termaktub di dalam kitab-kitabnya iaitu *al-Mustaṣfa*, *Shifa al-Ghalīl*, *Asās al-Qiyās* dan *al-Mankhūl*³⁸. Di dalamnya, beliau telah membahaskan syarat beramal dengan *maṣlaḥah* antara al-Imām al-Ghazzālī dan al-Imām al-Shāṭibī. Menurutnya syarat yang diletakan oleh al-Imām al-Ghazzālī cukup ketat kerana beliau terpengaruh dengan mazhabnya. Begitu juga dengan al-Imām al-Shāṭibī, syarat beramalnya cukup longgar kerana beliau telah terpengaruh dengan Imām

³⁴ Hayatullah Laluddin (2006), "The Concept of Maṣlaḥah With Special Reference to Imām Al Ghazālī and It's Potential Role in Islamization of Sociology". (Tesis Doktor of Philosophy, Jabatan Fiqh dan Uṣūl, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur). h 26-38

³⁵ *Ibid*, h 277

³⁶ *Ibid*, h 308

³⁷ Penjelasan Lanjut Lihat Hayatullah Laluddin et al(2006), "Al-Maṣlaḥah(Public Interest) With Special Reference to al- Imām Al Ghazālī", *Jurnal Syariah*, 14:2 (2006). h 103-120

³⁸ Ahmad Munif Suratmaputra(2002), *Filsafat Hukum Islām al Ghazālī:Maṣlaḥah Mursalah dan Relevansinya Dengan Pembaharuan Hukum Islām*, cet.1, Jakarta: Pustaka Firdaus, h.107-133

mazhabnya yang beramal dengan *maṣlaḥah mursalah*³⁹. Namun kajian ini belum mengkaji konsep *mafsadah* menurut al-Imām al-Ghazzālī dan juga perbandingannya dengan al-Imām al-Shāṭibī.

Berbeza pula dengan Afifi Fauzi Abbas, kajian beliau adalah bertajuk *Konsep Baik Dan Buruk Serta Pengaruhnya Terhadap Perumusan Kaedah-Kaedah Ushul*. Kajian ini masih bersifat umum, namun ia telah mengaitkan antara konsep baik dan buruk dengan *maṣlaḥah*. Di dalam kajiannya, beliau menyatakan bahawa seluruh apa yang diperintahkan dan dilarang tentu terdapat *maṣlaḥah* dan *mafsadah* yang terkandung di dalamnya. Setiap perintah ada *maṣlaḥah* dan setiap tegahan ada *mafsadah*⁴⁰. Dari segi *maqāṣid al-Sharī'ah*, Yusuf Ahmad Muhammad al-Badawī mengkaji tajuk *Maqāṣid al-Sharī'ah 'Inda Ibn Taimiyyah*⁴¹. Dalam kajiannya, beliau telah mendedahkan tentang *maṣlaḥah* dan *mafsadah* pada pandangan Ibn Taimiyyah. Dalam kajiannya disebutkan *maṣlaḥah* dan *mafsadah* merupakan rukun kedua bagi *maqāṣid* dan tiangnya *maqāṣid*⁴². Dalam kajiannya, beliau menerangkan bahawa al-Imām al-Ghazzālī telah membahas *maqāṣid al-Sharī'ah* yang terbahagi kepada beberapa karyanya iaitu dalam kitab *Asās al-Qiyās, al-Mankhūl, Shifa al-Ghalīl dan al-Mustaṣfa*⁴³. Namun penjelasannya hanya berbentuk deskriptif umum sahaja dan belum menjelaskan secara ditail tentang pemikiran al-Ghazzālī berkaitan *maṣlaḥah* dan *mafsadah*, namun dalam kitab ini ketika menta'rifkan *mafsadah* ianya merujuk kepada pendapat al-Imām al-Ghazzālī⁴⁴.

Kajian lain yang menarik tentang kitab al-Mustaṣfa telah dilakukan oleh Mohd Fauzi Hamat dengan tajuk *Kotokohan Al-Ghazālī Dalam Bidang Mantik: Suatu Analisis*

³⁹ *Ibid.*, h. 149-151

⁴⁰ Afifi Fauzi Abbas (2008), "Konsep Baik Dan Buruk Serta Pengaruhnya Terhadap Perumusan Kaedah-Kaedah Ushul". (Disertasi Doktor, Sekolah Pasca Sarjana UIN Syarif Hidayatullah, Jakarta).h. 166

⁴¹ Kajian ini dilakukan untuk meraih Doktor bidang Fiqh dan Uṣūl Universiti Jordan Kulliyah Al Shariah 1999.

⁴² Yūsuf Aḥmad Muḥammad al -Badawī (2000), *Maqāṣid al- Sharī'ah 'Ind Ibn Taymiyyah*. Cet.1, Jordan: Dār al-Nafā'is, h. 283.

⁴³ *Ibid.*, h. 79-82

⁴⁴ *Ibid.*, h 283

Terhadap Muqaddimah al-Kitab Dalam Kitab Al- Mustasfa Min Ilm al-Uşul. Kajian ini fokus kepada sumbangan al-Imām al-Ghazzālī dalam bidang mantik yang mempunyai hubungan dengan disiplin ilmu Islam, menerusi kitab al-Mustasfa. Penganalisisan beliau fokuskan kepada asas-asas perkaedahan mantik al-Ghazzālī yang dihuraikan di dalam muqaddimah al-Kitab yang menjadi pengantar kepada karya tersebut, berkisar kepada perbincangan *al-Had*⁴⁵ dan *al-Burhan*⁴⁶.

Dalam pada itu, terdapat karya yang membahaskan tentang pemikiran al-Imām al-Shāṭibī. Di antaranya sebuah kajian yang dilakukan oleh Ardiansyah bertajuk, *Perspektif Imām Al Syātibi Terhadap Konsep Sunnah- Bid'ah: Analisis Terhadap Kitab al-I'tisam dan Al Muwāfaqāt*. Kajiannya tertumpu kepada analisis terhadap perspektif al-Imām al-Shāṭibī tentang konsep bid'ah dan membandingkannya dengan pandangan ulama lain. Kajian ini telah membandingkan di antara *maṣlaḥah al-Mursalah* dengan bid'ah⁴⁷ serta sunnah al-Şaḥābah dan kefahaman mereka terhadap sunnah.

Aḥmad Raysūnī di dalam karyanya *Nazāriyyah al-Maqāsid 'Inda al Imām al-Shāṭibī* telah menjelaskan *maṣlaḥah* dan *mafsadah*. Beliau turut menjelaskan bahawa wujudnya kecelaruan di antara *maṣlaḥah* dan *mafsadah*. Menurutnya, suatu perbuatan itu kadangkala mengandungi *maṣlaḥah* namun dari sudut lain ia mengandungi *mafsadah*. Sesuatu perkara itu adalah *maṣlaḥah* bagi seseorang, namun ia adalah *mafsadah* bagi orang lain⁴⁸. Di dalam kajiannya, Aḥmad Raysūnī belum menjelaskan secara terperinci tentang *mafsadah*. Beliau hanya menjelaskan pengertian *maṣlaḥah* dan *mafsadah* secara umum dan belum melakukan perbandingan di antara pendapat al-Imām

⁴⁵ Mohd Fauzi Hamat (2001/2002), "Kotokoha Al Ghazālī Dalam Bidang Mantik: Suatu Analisis Terhadap Muqaddimah al Kitab Dalam Kitab al Mustasfa Min Ilm al Uşul". (Tesis Doktor Falsafah, Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam Bahagian Pengajian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur). h. 235

⁴⁶ *Ibid.*, h. 347

⁴⁷ Ardiansyah (2009), "Perspektif Imam Al Syatibi Terhadap Konsep Sunnah- Bid'ah: Analisis Terhadap Kitab al I'tisam dan Al Muwafaqat". (Tesis Doktor Falsafah Usuluddin, Jabatan Al Quran dan Al Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur), h 169

⁴⁸ Ahmad Raysuni (1991), *Nazariyyat al- Maqāsid Inda al Imām al Shāṭibī*, cet.1, al Ma'had al 'Alami Li al Fikr al Islāmi: Dār al Aman. h. 236

al-Ghazzālī dan al-Imām al-Shāṭibī. Sememangnya karya beliau lebih tertumpu perbincangan *maqāṣid al-Sharī'ah* menurut al-Imām al-Shāṭibī. Manakala perbincangan *maṣlaḥah* dan *mafsadah* hanya termasuk bab *al-Qadāya al-Asāsiyyah fi Nazāriyyah al-Shāṭibī*⁴⁹. Asafri Jaya Bakri telah membuat kajian dengan tajuk yang hampir sama iaitu *Maqāṣid al-Syarī'ah Menurut al-Syātibi dan Relevansinya Dengan Ijtihad Dewasa ini*. Kajian ini mengungkapkan konsep *maqāṣid al-Sharī'ah* menurut al-Imām al-Shāṭibī yang meliputi konsep dan asas *maqāṣid al-Sharī'ah*, pembahagian *maqāṣid*, memahami *maqāṣid al-Sharī'ah*⁵⁰. Namun perbincangan *maṣlaḥah* dan *mafsadah* menurut al-Imām al-Shāṭibī tidak dijelaskan. Beliau hanya menyentuh persoalan *maṣlaḥah* dalam perbincangan *maqāṣid al-Sharī'ah* dikalangan ulama sebelum al-Shāṭibī. Menurutnya lagi, perbincangan *maqāṣid al-Sharī'ah* sebelum al-Shāṭibī hanya dapat dilihat dari aspek 'illah hukum dan *maṣlaḥah*⁵¹. Sememangnya, kajian ini hanya mengaitkan relevansi *maqāṣid al-Sharī'ah* dengan ijtihad hukum Islam semasa.

Muhammad Khalīd Mas'ud dalam *Shatibi's Philosophy of Islamic law*, menjelaskan bahawa al-Imām al-Shāṭibī merupakan ulama yang paling terkehadapan dalam kajian *maṣlaḥah*. Ini kerana *maṣlaḥah* merupakan prinsip yang diambil dari mazhab Mālikī. Maka al-Imām al-Shāṭibī merupakan seorang ulama yang paling cenderung terhadap konsep ini. Kita sedia maklum, Mālikiyyah dan Hanafiyyah adalah dua mazhab yang paling memerhatikan keadaan tempatan. Al-Imām al-Shāṭibī telah menganalisis konsep *istiḥsan* dan *istiṣlah* dari kedua-dua mazhab tersebut dan mendapati keadaan politik, sosial dan ekonomi di Granada pada abad 14 merupakan kes yang tidak dapat diselesaikan menerusi konsep deduktif dari qiyās. Manakala prinsip *maṣlaḥah* yang permasalahannya didasari kepada tujuan Syarak serta kaedah

⁴⁹ *Ibid.*, h. 233-268

⁵⁰ Asafri Jaya Bakri (1994), "Maqasid al Syariah Menurut al Syatibi dan Relevansinya Dengan Ijtihad Dewasa Ini", (Disertasi Doktor, Bidang Ilmu Agama Islam, Program Pasca Sarjana IAIN Syarif Hidayatullah, Jakarta). h.85-125

⁵¹ *Ibid.*, h. 85

analisisnya adalah induktive dapat menjawab permasalahan ketika itu⁵². Hamka Haq cuba mendedahkan pemikiran al-Imām al-Shāṭibī di dalam kitab al-Muwāfaqāt dengan tajuknya *Al-Syatibi: Aspek Teologis Konsep Maṣlahah Dalam Kitab al Muwāfaqāt*. Di dalam kajiannya, beliau mengungkapkan bahawa terdapat lima keadaan yang kerap dibahaskan oleh para ulama uṣūl yang berkaitan teologi Islam. *Pertama*, beliau mengatakan bahawa kehendak tuhan berbuat *maṣlahah* bagi hambanya. *Kedua*, peranan akal di samping wahyu. *Ketiga*, proses sebab akibat. *Keempat*, daya dan tanggung jawab manusia dalam perbuatan, dan *kelima*, keadilan Tuhan⁵³. Di dalam kajiannya, beliau mendapati bahawa al-Shāṭibī memiliki banyak kemiripan dengan Mu'tazilah dan Maturidiyyah Samarkand yang juga bercorak rasional atau Qadariyyah⁵⁴. Beliau turut membahaskan perbezaan pandangan di antara al-Imām al-Shāṭibī dan Ash'ariyyah, khususnya membandingkannya dengan pandangan al-Imām al-Ghazzālī dalam hal *taklif bima la yuṭaq*⁵⁵. Namun kajian perbandingan di antara pemikiran al-Imām al-Shāṭibī dengan al-Imām al-Ghazzālī tentang konsep *maṣlahah* dan *mafsadah* belum diungkapkan.

Kajian yang lain tentang al-Imām al-Shāṭibī juga telah dilakukan oleh Al Jilālī al Marīni. Kajiannya bertajuk *Al Qawā'id al-Uṣūliyyah 'Inda al-Imām al-Shāṭibī Min Khilāl Kitābihi al-Muwāfaqāt*. Beliau telah mengungkapkan kaedah *maṣlahah* dan *mafsadah*⁵⁶. Jelasnya, *maṣlahah* dan *mafsadah* haruslah bersesuaian dengan apa yang telah ditetapkan oleh Syarak dan tidak mengikuti hawanafsu manusia. *Maṣlahah* dan *mafsadah* dalam Islam adalah sangat inklusif bagi tujuan untuk mencapai kehidupan

⁵² Muhammad Khalid Masud (1995), *Shatibi's Philosophy of Islamic Law*, cet 2, Kuala Lumpur: Islamic Book Trust, h. 253

⁵³ Hamka Haq (2007), *Al Syatibi: Aspek Teologis Konsep Masalahah Dalam Kitab al Muwafaqat*, T.T.P. Penerbit Erlangga, h. 5

⁵⁴ *Ibid.*, h. 264

⁵⁵ *Ibid.*, h. 272

⁵⁶ المصالح المحتلبة شرعا والمفاسد المستدفةة إنما تعتبر من حيث تقام الحياة الدنيا للحيات الأخره لا من حيث أهواء النفوس في جلب معالمها العادية أو درء مفسادها العديرة . lihat Al Jilālī al Marīni (2004), *Al Qawā'id al Uṣūliyyah Inda al Imām al Shāṭibī Min Khilālī Kitābihi al Muwāfaqāt*, cet.1, Qāhirah: Dār Ibn Affan, cet 1 h. 297. Kajian ini merupakan disertasi bagi ijazah majistir pada Universiti al-Qurawiyin dan Dār al-Hadīth al Hasaniyyah pada Jabatan Studi Islam- Al Ribat

dunia dan akhirat⁵⁷. Kajian ini belum menjelaskan konsep *maṣlaḥah* dan *mafsadah* dari segi perbandingan di antara al-Imām al-Ghazzālī dan al-mām al-Shāṭibī. Beliau sekedar membahaskan kaedah uṣūliyyah yang diambil dari kitab al-Muwāfaqāt karya al-Imām al-Shāṭibī.

Duski pula cuba mendedahkan pemikiran al-Shāṭibī menerusi kajian bertajuk *Metode Penetapan Hukum Islam Menurut Imām al Shāṭibi: Suatu Kajian Tentang Konsep al Istiqra' al Ma'nawi*. Kajian ini tidak banyak membahaskan tentang *maṣlaḥah* dan *mafsadah*. Namun di dalam perbahasannya, beliau menjelaskan tentang syarat bagi seorang mujtahid untuk penguasaan ilmu *maqāṣid al-Sharī'ah* dan bahasa arab. Menurutnya, syarat ini bersifat kondisional kerana setiap masalah yang dihadapi dalam hal-hal tertentu adalah berbeza-beza⁵⁸. Beliau juga tidak menjelaskan kedua-dua konsep *maṣlaḥah* dan *mafsadah*.

Manakal kajian tentang *maṣlaḥah* turut mendapat perhatian oleh para pengkaji. Di antaranya adalah kajian yang dilakukan oleh Mohd. Noor Deris bertajuk *Keterikatan Maṣlaḥah sebagai Sumber Hukum Dengan Kepentingan Semasa Dan Setempat Di Malaysia*⁵⁹. Beliau telah menumpukan kajiannya kepada *maṣlaḥah* secara umum dan mengaitkannya dengan kepentingan semasa dan setempat. Beliau menjelaskan bahawa *maṣlaḥah* atau kepentingan umum adalah berbeza mengikut perbezaan masyarakat. Menurut beliau lagi, *maṣlaḥah* dalam kontek semasa dan setempat perlu bertepatan dengan mentaliti dan realiti semasa dan tempat berkenaan⁶⁰. Kajian yang hampir sama telah dilakukan oleh Ridzwan Ahmad bertajuk *Maṣlaḥah dan Hubungannya Dengan Naş Syarak Dalam Pembinaan Hukum Islām Semasa di Malaysia*. Di dalam kajian ini,

⁵⁷ *Ibid.*, h 297

⁵⁸ Duski(2006), "Metode Penetapan Hukum Islam Menurut Asy-syatibi: Suatu Kajian Tentang Konsep al Istiqra' al Ma'nawi". (Disertasi Doktor, Program Pasca Sarjana UIN Syarif Hidayatullah, Jakarta), h. 142

⁵⁹ Sebenarnya kajian ini telah di bentangkan dalam Seminar Hukum Islam Semasa II peringkat Kebangsaan pada 23 dan 24 hb.jun 1999, Anjuran Jabatan Fiqh dan Usul Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.

⁶⁰Mohd. Noor Deris (2000), "Keterikatan Maṣlaḥah Sebagai Sumber Hukum Dengan Kepentingan Semasa Dan Setempat Di Malaysia", dalam Ridzwan Ahmad *et al.* (eds.), *Fiqh Malaysia : Kearah Pembinaan Fiqh Tempatan Yang Terkini*, cet.2, Kuala Lumpur:Al Baian Corporation, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, h. 137

beliau telah mengkritik pendapat al-Ṭūfi, dimana al-Ṭūfi menyarankan untuk mendahului *maṣlahah* apabila ianya bercanggah dengan *naṣṣ*. Ridzwan Ahmad menegaskan bahawa *maṣlahah* tidak boleh bercanggah dengan *naṣṣ*, samaada *naṣṣ qat'ī* ataupun *ẓanni*. Ia juga perlu berpegang kepada *ijma'* bilamana ia bertentangan dengan *maṣlahah* kerana *ijma'* berasaskan kepada *naṣṣ*⁶¹. Walaupun *maṣlahah* dapat dijadikan landasan dalam penentuan hukum Islam, namun ini tidak bermakna penggunaan akal dijadikan sebagai sandaran, tetapi ia berdasarkan kepada pengiktibaran asal umum Syarak agar ia tidak tersasar dari *maqāsid al-Sharī'ah*⁶². Asmadi Mohammed Naim telah menyambung pengkajian tentang *maṣlahah* dengan tajuk *maṣlahah dan naṣ-suatu wacana semasa*. Sebenarnya kajian ini hampir sama dengan Ridzwan Ahmad namun fokus perbincangannya pada perbincangan ulama semasa mengenai *maṣlahah* dalam menentukan sebuah hukum dan instinbat hukum yang tiada *naṣṣ*⁶³. Beliau telah menambah sedikit isu dari apa yang telah dijelaskan oleh Rizwan Ahmad iaitu penolakan hukum yang dikaitkan dengan *maṣlahah* namun bertentangan dengan *qiyās*⁶⁴. Sebenarnya, kajian seperti di atas telah dilakukan oleh Muḥammad Sa'īd Ramaḍān al-Būṭī dalam karyanya, *Ḍawābiṭ Al-Maṣlahah Fi Al-Sharī'ah al-Islāmiyyah*⁶⁵. Selain perbahasan yang telah dijelaskan oleh Ridzwan Ahmad dan Asmadi Mohammed Naim, beliau telah menambah sedikit isu berkaitan *maṣlahah* tidak boleh bercanggah dengan *qiyās shahīḥ* dan juga *maṣlahah* yang sejajar atau lebih kuat darinya⁶⁶. Namun kajian tentang *mafsadah* dan pemikiran al-Imām al-Ghazzālī dan al-Imām al-Shāṭibī tidak dijelaskan olehnya secara mendalam.

⁶¹ Ridzwan Ahmad (2000), "Maṣlahah dan Hubungannya Dengan Naṣ Sharak Dalam Pembinaan Hukum Islam Semasa di Malaysia", dalam Ridzwan Ahmad *et al.* (eds.), *Fiqh Malaysia: Kearah Pembinaan Fiqh Tempatan Yang Terkini*, cet.2, Kuala Lumpur: Al Baian Corporation, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, h. 148

⁶² *Ibid.*, h. 166

⁶³ Asmadi Mohammed Naim (2003), "Maṣlahah dan Naṣ- Suatu Wacana Semasa", *Jurnal Syariah*, 11:2, 2003, h. 15-26

⁶⁴ *Ibid.*, h. 26

⁶⁵ Karya ini merupakan kajian yang dilakukan untuk meraih gelar doktor dalam Uṣūl al -Sharī'ah al-Islāmiyyah pada Jabatan Undang-Undang dan al-Shariah Universiti al- Azhar Pada Tahun 1965

⁶⁶ Muhammad Sa'īd Ramaḍān al- Būṭī (1966), *Ḍawābiṭ Al Maṣlahah Fi Al Sharī'ah al Islāmiyyah*, cet.1, Damasqus: Al Maktabah al Umawiyah, h. 411

Kajian yang cukup baik tentang *maṣlaḥah* dan *mafsadah* juga telah dilakukan oleh Rizdwan Ahmad dengan tajuk kajiannya, *Metode Pentarjihan Maṣlaḥah dan Mafsadah Dalam Hukum Islām Semasa*. Dalam kajian ini, selain menjelaskan pentarjihan terhadap kontradiksi antara *maṣlaḥah* dan *mafsadah*, beliau juga telah menjelaskan standard penentuan *maṣlaḥah* dan *mafsadah* dalam pelbagai situasi⁶⁷. Kajian tentang standard *maṣlaḥah* dan *mafsadah* secara mendalam telah dilakukan oleh Ridzwan bin Ahmad dalam kajian ilmiahnya yang bertajuk *Standard Maṣlaḥah dan Mafsadah dalam Penentuan Hukum Islām Semasa di Malaysia*. Fokus kajian ini kepada pengkajian standard *maṣlaḥah* dan *mafsadah* serta penggunaannya dalam beberapa permasalahan hukum Islam semasa di Malaysia. Hasil daripada kajian ini didapati bahawa para ulama Islam belum memberikan definisi yang jelas tentang *maqāṣid al-Sharī'ah*⁶⁸. Beliau telah menjelaskan pandangan al-Imām al-Ghazzālī tentang *maqāṣid* namun dari segi takrif. Kajian ini tidak menjelaskan secara lengkap pemikiran al-Imām al-Ghazzālī, kerana beliau lebih berfokus kepada konsep *maṣlaḥah* dan *mafsadah* yang mentarjihnya jika terjadi pertentangan di antara keduanya. Karya ini cukup terkehadapan kerana telah membahaskan konsep *mafsadah* yang jarang sekali dibahas oleh para pengkaji lain. Namun perbandingan pemikiran al-Imām al-Ghazzālī dan al-Shāṭibī tentang *maṣlaḥah* dan *mafsadah* belum dilakukan secara mendalam.

Melihat banyaknya penelitian yang dilakukan oleh para sarjana tentang al-Imām al-Ghazzālī dan al-Imām al-Shāṭibī, namun kajian mereka kebanyakannya terhad kepada perbincangan *maṣlaḥah* sahaja. Walaupun Ridzwan bin Ahmad telah mendedahkan tentang *maṣlaḥah* dan *mafsadah*, namun perbincangan beliau masih bersifat umum dan belum menjelaskan pemikiran al-Imām al-Ghazzālī dan al-Imām al-Shāṭibī

⁶⁷ Ridzwan Ahmad (2008), "Metode Pentarjihan Masalahah dan Mafsadah dalam Hukum Islam Semasa", *Jurnal Syariah* jil.16, bil 1, 2008, h. 107-143

⁶⁸ Ridzwan bin Ahmad(2004), "Standard Masalahah dan Mafsadah Dalam Penentuan Hukum Islam Semasa di Malaysia", (Thesis Doctor Falsafah Syariah, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya), h. 256

secara khusus. Hukum Islam pada kebiasaannya berlandaskan kepada kedua-dua konsep ini. Maka kajian ke atas konsep ini amat relevan dilakukan memandangkan perbahasan perbandingan konsep di antara *maṣlahah* dan *mafsadah* dari kedua-dua ulama ini juga belum dilakukan, sedangkan ianya penting untuk mengenal pasti persamaan dan perbezaan tentang konsep *maṣlahah* dan *mafsadah* menurut kedua ulama tersebut serta hukum yang dihasilkan dalam penentuan hukum Islam.

1.8. Metodologi Kajian

Di dalam mana-mana kajian ilmiah, metode merupakan suatu perkara yang digunakan untuk memahami objek yang menjadi sasaran penyelidikan. Sesuatu kajian itu adalah lebih ilmiah apabila metode-metode yang digunakan bersesuaian dengan objek yang telah dipilih dan tujuan penyelidikan dijalankan.

Disertasi ini secara umumnya hanya melibatkan satu bentuk kajian iaitu kajian perpustakaan (*library research*). Dalam hal ini, penulis membahagikan rangkanya kepada dua metode utama iaitu metode pengumpulan data dan metode analisis data.

1.8.1. Metode Pengumpulan Data

Dalam usaha pengumpulan data, penulis telah melakukan kajian dengan menggunakan beberapa metode, di antaranya;

a. Metode Dokumentasi

Sebagaimana yang telah dinyatakan, metode kajian ini hanya melibatkan kajian perpustakaan⁶⁹. Di dalam kajian perpustakaan, penulis akan menggunakan metode dokumentasi. Metode dokumentasi merupakan cara untuk menghimpun atau

⁶⁹ Kajian pustaka iaitu upaya penyelidikan yang dijalankan dengan mengumpulkan data yang terdapat di sumber-sumber data seperti perpustakaan. Lihat J. Supranto (1986) *Kaedah Penyelidikan: Penggunaanya Dalam Pemasaran*, Ismail Rejab *et al*, (eds.), cet.1, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 9.

mengumpul bahan atau dokumen bagi sesuatu kajian⁷⁰. Disebabkan kajian ini berlatarbelakangkan metodologi hukum maka kajian lebih menjurus kepada mendapatkan maklumat dan data melalui karya silam dan kontemporeri sebanyak mungkin. Manakala maklumat dan data didapat dengan mengunjungi perpustakaan. Dalam berhadapan kekurangan rujukan, penulis cuba mendapatkannya melalui fotostat. Metode ini juga merupakan cara pengumpulan data dengan melakukan pengkajian terhadap sumber-sumber kajian yang ada hubungan dengan masalah yang dikaji. Di antara sumber-sumber kajian adalah diambil dari hasil penulisan tokoh-tokoh yang dibincangkan iaitu al-Imām al-Ghazzālī dengan kitabnya *al-Mustaṣfa min ‘Ilm al-Uṣūl. Shifā’ al-Ghalīl fī Bayān al-Shabh wa al-Mukhīl wa Masālik al-Ta’līl, Asās al-Qiyās, al-Mankhūl fī Ta’līqāt al-Uṣūl* dan al-Imām al-Shāṭibī dengan kitabnya yang bertajuk *al-Muwāfaqāt Min Uṣūl al-Sharī‘ah* dan *al-I’tisām*. Selain itu, tulisan–tulisan lain yang menyentuh tentang tajuk dan tokoh yang berkenaan sama ada teks klasik atau semasa, seperti tesis, disertasi, makalah, kertas kerja persidangan dan jurnal serta beberapa tulisan yang berkaitan dengan *maṣlahah* dan *mafsadah*.

b. Metode Sejarah

Metode sejarah iaitu kaedah untuk mengkaji kajian yang telah berlaku secara sistematik untuk mengenalpasti peristiwa masa lalu yang terjadi sebenarnya. Dalam hal ini penulis cuba mengkaji beberapa contoh kes dalam pandangan ulama yang termaktub dalam karya-karya mereka. Ini kerana kebanyakannya contoh kes yang dikemukakan oleh para ulama silam merukan peristiwa yang berlaku pada masa mereka hidup. Dengan metode ini diharap dapat mengungkap beberapa fakta mengenai fatwa para ulama silam yang melibatkan pemakaian konsep *maṣlahah* dan *mafsadah*. Metode ini banyak penulis gunakan dalam bab dua dan tiga.

⁷⁰ Sheikh Osman Sheikh Salim (Ketua Ed.) (1992) *Kamus Dewan Edisi Baru*, cet.3, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 1238.

1.8.2. Metode Analisis Data.

Setelah data-data dapat dikumpulkan melalui metode di atas, proses analisis pula dilakukan dengan kaedah-kaedah berikut;

a. Metode Induktif

Metode induktif ialah suatu proses analisa yang menggunakan data-data khusus dan terpisah, kemudian digabungkan di antara satu sama lain hingga menjadi sesuatu yang general(umum). Dengan kata lain, metode ini adalah untuk menyusun logika dan mengambil kesimpulan yang umum darinya. Dalam Ilmu Uşūl al-Fiqh metode ini dikenal dengan *Istiqra'*. Metode ini banyak digunapakai di dalam kajian ini untuk menganalisis secara menyeluruh konsep *maşlahah* dan *mafsadah*. Penulis cuba mendapat maklumat secara terperinci tentang *maşlahah* serta *mafsadah* dan hubung kaitnya dengan *maqāşid al-Sharī'ah* dari kedua ulama. *Pentarjīhan* di antara *maşlahah* dan *mafsadah* perlu dilakukan untuk mencapai tujuan Syarak. Dalam perkara ibadah al-Imām al-Ghazzālī menerima dalil umum, manakala al-Imām al-Shāṭibī dalam perkara ibadah mesti *dinaşş* melalui dalil terperinci. Melalui metode ini penulis telah berjaya membuktikan bahawa al-Imām al-Ghazzālī telah meluaskan *ta'lıl al-Aḥkām* dan beliau merupakan peletak kepada kerangka ilmu *maqāşid al-Sharī'ah*. Manakala al-Imām al-Shāṭibī pula menyempitkan *ta'lıl al-Aḥkām* dalam ibadah dan beliau sebagai pelengkap kedua kepada ilmu *maqāşid al-Sharī'ah* bukan pencetus.

b. Metode Deduktif

Metode deduktif ialah kaedah untuk menganalisis data dengan membuat pernyataan yang bersifat umum terlebih dahulu tentang suatu fenomena. Kemudian, pengkaji akan menghurai dengan pernyataan yang bersifat khusus tentang fenomena tersebut⁷¹. Metode ini dimulakan dengan membuat suatu kesimpulan umum tentang

⁷¹ Deobold P Van Dalen (1993) *Memahami Penyelidikan Pendidikan*, Abdul Fatah Abdul Malik *et al* (terj.), cet.3, Selangor: Universiti Pertanian Malaysia, h. 9.

konsep *maṣlaḥah* dan *mafsadah* dalam mengistinbat hukum menurut tokoh yang sedang dikaji. Selanjutnya, kesimpulan yang lebih khusus pula dibuat terhadap tokoh yang dikaji berdasarkan data-data dan fakta-fakta yang diperolehi. Metode ini banyak digunakan oleh penulis terutama dalam menjelaskan kedua-dua konsep dengan *maqāṣid al-Sharī'ah*.

c. Metode Komparatif

Metode komparatif dibuat adalah untuk melakukan perbandingan terhadap data-data yang diperolehi daripada penyelidikan yang dilakukan. Segala data dan maklumat yang telah diperolehi akan digunakan oleh pengkaji untuk melakukan perbandingan dan akhirnya satu rumusan atau kesimpulan yang kemas dan kukuh akan dapat di dihasilkan. Metode ini digunakan secara meluas terutama dalam analisis perbandingan antara al-Imām al-Ghazzālī dan al-Imām al-Shāṭibī tentang konsep *maṣlaḥah* dan *mafsadah* sehingga persamaan dan perbezaan tentang konsep *maṣlaḥah* dan *mafsadah* menurut kedua ulama yang dikaji menjadi tampak. Dengan metode ini juga kesan yang dihasilkan dari perbezaan konsep *maṣlaḥah* dan *mafsadah* dalam penentuan hukum dari kajian ini diperolehi.

1.9. Sistematika Perbahasan

Sistematika penulisan yang direncanakan dalam penelitian ini akan dibahagikan kepada lima bab, dengan perincian sebagaimana berikut:

Bab I, pendahuluan. Di dalam bab ini mangandung huraian tentang pengenalan, latarbelakang masalah, permasalahan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, skop kajian, kerangka teori, kajian lepas, metodologi kajian dan sistematika Perbahasan.

Bab II, konsep *maṣlaḥah* dan *mafsadah* dari perspektif ulama uṣūl. Bab ini terbahagi kepada lima item iaitu, *Pertama*, pendahuluan. *Kedua*, konsep *maṣlaḥah*,

meliputi pengertian *maṣlaḥah*, pembahagian *maṣlaḥah*, kehujahan *maṣlaḥah* sebagai landasan penentuan hukum, kedudukan *maṣlaḥah* dalam dalil-dalil Syarak lain. *Ketiga*, konsep *mafsadah*, meliputi pengertian *mafsadah*, pembahagian *mafsadah*, kedudukan *mafsadah* dalam dalil-dalil Syarak lain. *Keempat* *maṣlaḥah* dan *mafsadah* sebagai asas pemikiran *maqāṣid al-Sharī'ah* dan, *kelima* kesimpulan.

Bab III, konsep *maṣlaḥah* dan *mafsadah* menurut al-Imām al-Ghazzālī dan al-Imām al-Shāṭibī. Di dalam bab ini terbahagi kepada empat item iaitu *pertama*, pendahuluan. *Kedua*, konsep *maṣlaḥah* dan *mafsadah* menurut al-Imām al-Ghazzālī, perbahasan ini mencakupi konsep *maṣlaḥah* dan *mafsadah*, Syarat beramal dengan *maṣlaḥah* dan *mafsadah*, hubungkait *maṣlaḥah* dan *mafsadah* dalam *maqāṣid al-Sharī'ah*, serta metode *pentarjīhan* terhadap kontradiksi antara *maṣlaḥah* dan *mafsadah*. *Ketiga*, konsep *maṣlaḥah* dan *mafsadah* menurut al-Imām al-Shāṭibī. Perbahasan ini mencakupi konsep *maṣlaḥah* dan *mafsadah*, Syarat beramal dengan *maṣlaḥah* dan *mafsadah*, hubungkait *maṣlaḥah* dan *mafsadah* dalam *maqāṣid al-Sharī'ah*, serta metode *pentarjīhan* terhadap kontradiksi di antara *maṣlaḥah* dan *mafsadah* dan *keempat* adalah kesimpulan

Bab IV, analisis perbandingan konsep *maṣlaḥah* dan *mafsadah* dalam penentuan hukum menurut al-Imām al-Ghazzālī dan al-Imām al-Shāṭibī. Bab ini merangkumi pendahuluan, perbandingan antara al-Imām al-Ghazzālī dan al-Imām al-Shāṭibī tentang konsep *maṣlaḥah* dan *mafsadah*: satu ulasan perbandingan, al-Imām al-Ghazzālī sebagai peletak kerangka ilmu *maqāṣid al-Sharī'ah*, persamaan, perbezaan, kesan dari perbezaan konsep *maṣlaḥah* dan *mafsadah* serta kesimpulan.

Bab V pula merupakan penutup yang memberikan kesimpulan dan cadangan-cadangan serta penutup.